

# Forum kongsi kecemerlangan UPM

**Serdang:** Lebih 200 peserta menghadiri Forum Warisan Serdang Heritage di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini bagi memperingati sejarah penubuhan serta kejayaan universiti penyelidikan itu melahirkan graduan dalam pelbagai bidang dan kepakaran.

Pengarah Pusat Alumni UPM, Prof Madya Dr Mansor Abu Talib, berkata forum bertema 'Berilmu Berbakti Bangsa Berinspirasi Generasi Berinovasi' itu mengupas perjalanan alumni UPM mengenai penerimaan dan penjaanaan ilmu semasa mengikuti pengajian di universiti.

Katanya, forum itu dijayakan oleh bekas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UPM, Datuk Dr Idris Abdol; Ketua Pegawai Eksekutif Amos Ng Architecture, Amos Ng dan Pengarah Urusan Ritz Ranch Sdn Bhd dan Axiera Ritz Sdn Bhd, Shahrul Nizam Khosim.

## Suntikan semangat

"Garapan dan kupasan penceritaan yang baik oleh tiga ahli panel yang menjayakan forum itu menyuntik semangat warga UPM untuk terus berusaha melengkapkan diri dengan ilmu yang strategik serta memenuhi tuntutan semasa supaya mampu memberi sumbangan kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara

"Semangat yang dibawa oleh alumni UPM ini diharap dapat memberi inspirasi kepada mahasiswa untuk menjadi graduan yang berdaya saing serta tidak lupa menyumbang semula kepada pembangunan universiti," katanya.

Forum itu diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Alumni UPM 21 Mei bertujuan membawa alumni kembali ke universiti dan melestarikan legasi kegemilangan motto 'Berilmu Berbakti'.



Alumni UPM berkongsi pengalaman membangunkan potensi diri ketika pengajian di universiti bersempena dengan **Forum Warisan Serdang di UPM, Serdang, Selangor.**

Sebahagian peserta yang menghadiri Forum Warisan Serdang **di UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.**

